

**Ucapan Aluan Oleh**

**Sr. Sariah Abdul Karib**

**Pengurus Besar Kanan, Sektor Korporat dan Bisnes, Lembaga Pembangunan Industri  
Pembinaan Malaysia (CIDB)**

**Sempena Majlis Menandatangani Aku Janji dan Seminar Construction Industry  
Transformation Programme (CITP) Negeri Pulau Pinang**

**25 April 2017**

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Transformasi dan Salam 1 Malaysia.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini pada Majlis Menandatangani Aku Janji dan Seminar Construction Industry Transformation Programme (CITP) Negeri Pulau Pinang.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Haji Sarani Bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya yang sudi hadir bagi mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya dalam merasmikan majlis pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Majlis Menandatangani Aku Janji CITP pada hari ini adalah yang julung kalinya diadakan di Pulau Pinang dan merupakan salah satu usaha untuk mengukuhkan lagi komitmen penggiat industri pembinaan dalam merealisasikan CITP semenjak ia dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 10 September 2015 yang lalu.
4. Saya amat berbangga dan berterima kasih kerana pada hari ini, sejumlah peneraju-peneraju industri pembinaan atau Captains of the Industry di Pulau Pinang akan bersama-sama kita untuk menandatangani Aku Janji CITP. Organisasi yang akan menandatangani Akujanji pada hari ini termasuk:
  - I. Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang;
  - II. Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA);
  - III. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);
  - IV. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang;
  - V. Bertam Properties Sdn Bhd;
  - VI. Penang Master Builders & Building Materials Dealers Association;

dan organisasi-organisasi lain yang saya percaya bersama untuk komited dalam meletakkan CITP sebagai salah satu agenda penting selaras dengan aspirasi kerajaan untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

Para hadirin sekalian,

5. Selain daripada mengumpulkan penggiat industri untuk melaksanakan Akujanji CITP, CIDB juga mengalu-alukan kerjasama atau kolaborasi yang lebih spesifik dan mendalam dengan organisasi kerajaan ataupun swasta, di peringkat persekutuan ataupun negeri, dalam mencapai matlamat transformasi yang digariskan di dalam CITP.
6. Sepanjang 2016, iaitu tahun pertama perlaksanaan CITP, kami telah memeterai kolaborasi dengan **53** organisasi yang dilihat mampu memberi impak yang signifikan di dalam mentransformasi industri pembinaan. Di antara agensi yang telah kita memeterai kerjasama tersebut adalah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), dan juga Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Di peringkat negeri pula, kami telah menjalin kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak.
7. Dengan menjalankan kerjasama ini, yang selaras dengan aspirasi Lautan Biru Kebangsaan, organisasi-organisasi terlibat dapat berkongsi maklumat, kepakaran dan juga sumber, bagi melaksanakan program yang dapat mentransformasi industri pembinaan negara.
8. Oleh yang demikian, saya ingin mengalu-alukan organisasi di negeri Pulau Pinang ini untuk menlaksanakan kolaborasi dengan CIDB di dalam perkara yang boleh meningkatkan prestasi industri pembinaan negeri ini khasnya.
9. Saya juga berharap para hadirin sekalian dapat menggunakan peluang daripada Seminar pada hari ini bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai CITP dan bagaimana organisasi tuan-tuan dan puan-puan sendiri dapat memainkan peranan di dalam transformasi ini.

10. Tahniah saya ucapan kepada semua organisasi yang menandatangai Akujanji CITP pada hari ini. Saya berharap, lebih banyak lagi organisasi, sama ada swasta maupun agensi kerajaan yang akan memberi kerjasama dan komitmen mereka dalam menjayakan CITP selaras dengan tagline CITP iaitu “Bersama memacu kecemerlangan pembinaan!” atau ““Driving Construction Excellence Together!”
11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih keatas kehadiran Datuk Haji Sarani bin Dollah di atas kehadiran beliau.

Sekian, terima kasih.

Wabilahitaufik walhidayahh wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.